

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1996/97

Oktober/November 1996

YBP 301 - Perancangan & Penilaian Kempen Komunikasi

Masa: 2 jam

ARAHAN KEPADA CALON:

*Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 2 muka surat bercetak dan **TIGA** soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.*

*Jawab **DUA (2)** soalan.*

Agihan markah bagi soalan diberikan di sudut sebelah kanan soalan berkenaan.

Jawab semua soalan dalam Bahasa Malaysia.

1. Michael Pfau dan Roxanne Parrot (1993) menyatakan bahawa sesebuah kempen mengandungi komponen-komponen berikut: *perancangan* (iaitu, apa yang hendak dikempenkan, siapa khalayak sasar dan apakah objektif kempen), *pelaksanaan* (iaitu, proses-proses pembuat keputusan yang berkaitan dengan pembentukan mesej dan pemilihan sumber dan media mesej), dan *penilaian* (iaitu, pengukuran ke atas hasil kempen yang berkaitan dengan pembentukan mesej dan pemilihan sumber dan media mesej).

Tulis satu esei yang membandingkan rangka Pfau dan Parrot ini dengan komponen atau elemen yang terdapat di dalam rangka konseptual Strategic Extension Campaign (SEC) yang dipelopori oleh Ronny Adhikarya (1987 dan 1994).

(100 markah)

2. Kaedah kempen komunikasi yang menggunakan rangka konseptual Strategic Extension Campaign (SEC) dikatakan berbentuk pelbagai disiplin (multi-disciplinary) kerana sumbangan yang datang dari pelbagai ilmu. Bincangkan kenyataan ini dengan menghuraikan apa dan di manakah sumbangan ilmu-ilmu ini kepada 10 komponen atau langkah yang terkandung di dalam rangka konseptual SEC.

(100 markah)

...2/-

3. Menurut Babbie (1992) kajian adalah bertujuan untuk menggambarkan (describe), menerang (explain), dan meramal (predict) sesuatu fenomena. Walau bagaimanapun, sesuatu kaedah hanya dapat merealisasikan satu atau dua daripada tujuan-tujuan ini. Namun, di dalam kajian baseline KAP, kita perlu memenuhi ketiga-tiga tujuan ini. Nyatakan langkah-langkah yang boleh diambil oleh seseorang perancang kempen untuk memenuhi ketiga-tiga tujuan ini.

(100 markah)

-oooOooo-